



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) (Pindaan) 1987

DR.15/1987

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1980.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) (Pindaan) 1987.

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam *Warta*.

2. Seksyen 11 Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1980, yang dalam Akta ini disebut “Akta ibu”, adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 11.
Akta 231.

(a) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan “Kerajaan” dalam perenggan (a) seksyen-kecil (1), perkataan “Persekutuan”; dan

(b) dengan memasukkan, di hujung perenggan (b) seksyen-kecil (1), perkataan-perkataan “sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan”.

Pindaan
seksyen 21.

3. Seksyen 21 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan seksyen-kecil (1) dengan yang berikut:

Ord. P.T.M.
42/1959.

“(1) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melalui pemberitahu dalam *Warta* memindahkan atau menyebabkan supaya dipindahkan kepada Lembaga mana-mana lebuhraya atau mana-mana bahagiannya yang mana adalah jalan Persekutuan di bawah Ordinan Jalan-Jalan Persekutuan 1959 atau menurut kuasa mana-mana undang-undang bertulis yang lain, dan bermula daripada suatu tarikh yang hendaklah dinyatakan dalam pemberitahu itu lebuhraya atau bahagiannya itu hendaklah terletak di bawah kawalan dan pengurusan Lembaga.”; dan

- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen-kecil (1), seksyen-kecil baru (1A) yang berikut:

“(1A) Mana-mana lebuhraya atau mana-mana bahagiannya yang mana kos pembinaannya telah atau adalah dibayar daripada Kumpulanwang hendaklah terletak di bawah kawalan dan pengurusan Lembaga.”.

Seksyen
baru 21A.

4. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan dalam Bahagian IV, selepas sahaja seksyen 21, seksyen baru 21A yang berikut:

“Penarikan
balik
lebuhraya-
lebuhraya
daripada
kawalan dan
pengurusan
Lembaga.

21A. (1) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, mengisytiharkan bahawa mana-mana lebuhraya atau mana-mana bahagiannya hendaklah terhenti berada di bawah kawalan dan pengurusan Lembaga bermula daripada suatu tarikh yang hendaklah dinyatakan dalam pemberitahu itu, dan selagi pemberitahu itu berkuatkuasa Akta ini tidak boleh dipakai bagi lebuhraya atau bahagiannya itu.

(2) Jika lebuhraya atau bahagiannya itu ialah jalan Persekutuan di bawah Ordinan Jalan-Jalan Persekutuan 1959 atau menurut kuasa mana-mana undang-undang bertulis yang lain, atau jika kos pembinaan lebuhraya atau bahagiannya itu dibayar daripada Kumpulanwang, maka, walau apapun pemberitahu di bawah seksyen-kecil (1), lebuhraya atau bahagiannya itu hendaklah terus menjadi atau disifatkan menjadi jalan Persekutuan sewajarnya.

(3) Semua suratikatan, bond, perjanjian, suratcara dan perkiraan kerja yang sedia ada sebelum sahaja tarikh yang dinyatakan dalam pemberitahu di bawah seksyen-kecil (1) dan yang menyentuh lebuhraya atau bahagiannya yang ditetapkan dalam pemberitahu itu hendaklah berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya terhadap atau untuk faedah Kerajaan Persekutuan, dan boleh dikuatkuasakan dengan sepenuhnya dan dengan berkesan, seolah-olah Kerajaan Persekutuan telah dinamakan dalamnya atau telah menjadi satu pihak kepadanya menggantikan Lembaga.

(4) Bermula daripada tarikh yang dinyatakan dalam pemberitahu di bawah seksyen-kecil (1), semua tanah yang telah dirizabkan atau disifatkan sebagai dirizabkan bagi maksud Lembaga menurut kuasa seksyen-kecil (3) seksyen 21 dan yang termasuk dalam lebuhraya atau bahagiannya yang ditetapkan dalam pemberitahu itu hendaklah disifatkan sebagai dirizabkan bagi maksud Kerajaan Persekutuan dan tiap-tiap rizab itu hendaklah terus tertakluk kepada undang-undang bertulis berhubung dengan tanah yang dipakai bagi rizab itu.

(5) Walaupun sesuatu lebuhraya atau bahagiannya telah terhenti berada di bawah kawalan dan pengurusan Lembaga menurut kuasa pemberitahu di bawah seksyen-kecil (1), Menteri boleh mengarahkan Lembaga dengan bertulis supaya menyelia atau melaksanakan penyenggaraan, sama ada secara umum atau pada aspek-aspek tertentu, lebuhraya atau bahagiannya itu, dan dalam hal demikian semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dalam menjalankan arahan itu hendaklah ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan dengan mutlak.

(6) Walau apapun pemberitahu di bawah seksyen-kecil (1), apa-apa perintah di bawah seksyen 15 berhubung dengan tol berkenaan dengan lebuhraya atau bahagiannya yang ditetapkan dalam pemberitahu itu hendaklah terus berkuatkuasa sehingga dibatalkan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.”.

Pindaan
seksyen 28.

5. Seksyen 28 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan “arahan-arahan” dalam seksyen-kecil (1), perkataan “bertulis”.

Seksyen baru
31 dan 32.

6. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 30, seksyen baru 31 dan 32 yang berikut:

“Tanggung
rugi bagi
Lembaga.

31. Kerajaan Persekutuan hendaklah menanggung rugi bagi Lembaga terhadap apa-apa perbelanjaan, kerugian atau ganti-rugi yang ditanggung atau dialami oleh Lembaga berbangkit daripada apa-apa tuntutan dalam apa-apa bentuk jua oleh mana-mana orang akibat Lembaga terhenti mempunyai kawalan dan pengurusan akan sesuatu lebuhraya atau bahagiannya oleh kerana sesuatu pemberitahu di bawah seksyen 21A.

Pindahmilik tanah daripada Lembaga kepada Kerajaan Persekutuan. 32. Jika mana-mana tanah yang terletak pada Lembaga termasuk dalam mana-mana lebuhraya atau mana-mana bahagiannya yang ditetapkan dalam sesuatu pemberitahu di bawah seksyen 21A, Kerajaan Persekutuan dan Lembaga hendaklah mencapai sesuatu perkiraan bagi pindahmilik tanah itu kepada Kerajaan Persekutuan.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1980.

2. Antara fungsi-fungsi Lembaga Lebuhraya Malaysia ialah, sebagaimana dinyatakan dalam perenggan (b) seksyen 11 (1) Akta itu, menyelia dan melaksanakan rekabentuk, pembinaan dan penyenggaraan kawasan-kawasan rehat dan rawat dan lain-lain kemudahan perlu di sepanjang lebuhraya. *Fasal 2 (b)* bertujuan meminda perenggan itu supaya fungsi Lembaga di bawahnya akan dijalankan sebagaimana ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan, sama seperti dalam hal fungsi Lembaga di bawah perenggan (a) seksyen 11 (1) untuk menyelia dan melaksanakan rekabentuk, pembinaan dan penyenggaraan lebuhraya.

3. Seksyen-kecil (1) seksyen 21 Akta itu memberi kuasa kepada Menteri untuk memindahkan mana-mana lebuhraya kepada Lembaga. Kuasa itu hendaklah dijalankan selepas berunding dengan Kerajaan Persekutuan dan, jika berkenaan, dengan persetujuan Kerajaan Negeri yang berkenaan. *Fasal 3 (a)* bertujuan menggantikan seksyen-kecil itu dengan peruntukan yang menyatakan bahawa lebuhraya yang hendak dipindahkan itu mestilah jalan Persekutuan dan bahawa, selepas pemindahan, lebuhraya itu hendaklah terletak di bawah kawalan dan pengurusan Lembaga. Seksyen-kecil (1) yang baru itu meninggalkan kehendak tentang rundingan dengan Kerajaan Persekutuan, yang mana tidak perlu dijadikan sebagai keperluan statutori oleh kerana pemindahan ialah oleh seorang Menteri Persekutuan, serta juga kehendak tentang persetujuan Kerajaan Negeri, yang mana tidak lagi perlu oleh kerana kini mana-mana lebuhraya yang hendak dipindahkan mestilah menjadi jalan Persekutuan terlebih dahulu.

4. *Fasal 3 (b)* bertujuan memasukkan satu seksyen-kecil (1A) baru bagi seksyen 21 yang memperuntukkan bahawa mana-mana lebuhraya yang mana kos pembinaannya telah atau adalah dibayar daripada Kumpulanwang Lembaga hendaklah terletak di bawah kawalan dan pengurusan Lembaga.

5. *Fasal 4* bertujuan memasukkan satu seksyen baru 21A yang memberi kuasa kepada Menteri mengisytiharkan bahawa mana-mana lebuhraya hendaklah terhenti berada di bawah kawalan dan pengurusan Lembaga, dan dalam hal demikian, menurut seksyen-kecil (1), Akta itu tidak boleh dipakai bagi lebuhraya itu. Seksyen-kecil (2) menyatakan bahawa jika lebuhraya itu ialah jalan Persekutuan atau jika kos pembinaannya telah dibayar daripada Kumpulanwang Lembaga, ia hendaklah terus menjadi atau disifatkan menjadi jalan Persekutuan walaupun ia telah ditarik balik daripada kawalan dan pengurusan Lembaga. Seksyen-kecil (3) berkesan sebagai memindahkan daripada Lembaga kepada Kerajaan Persekutuan hak-hak dan obligasi-obligasi Lembaga berjenis kontraktual atau seumpamanya berkenaan dengan lebuhraya itu. Melalui seksyen-kecil (4) semua tanah yang dirizabkan bagi maksud Lembaga dan yang termasuk dalam lebuhraya itu hendaklah disifatkan sebagai dirizabkan bagi maksud Kerajaan Persekutuan. Walaupun lebuhraya itu tidak lagi di bawah kawalan dan pengurusan Lembaga, Menteri boleh di bawah seksyen-kecil (5) mengarahkan Lembaga supaya menyelia atau melaksanakan penyenggaraan lebuhraya itu dengan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan, dan menurut seksyen-kecil (6) apa-apa perintah tol di bawah seksyen 15 hendaklah terus berkuatkuasa sehingga dibatalkan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.

6. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 28 untuk memper-untukkan dengan nyata bahawa sesuatu arahan Menteri kepada Lembaga di bawah seksyen itu hendaklah dengan bertulis.

7. *Fasal 6* bertujuan memasukkan dua seksyen baru, 31 dan 32. Seksyen baru 31 menghendaki Kerajaan Persekutuan menanggung rugi bagi Lembaga berkenaan dengan apa-apa tuntutan akibat Lembaga terhenti mempunyai kawalan dan pengurusan akan sesuatu lebuhraya. Seksyen baru 32 menghendaki Kerajaan Persekutuan dan Lembaga mencapai sesuatu perkiraan bagi memindahkan kepada Kerajaan Persekutuan mana-mana tanah yang terletakhak pada Lembaga yang termasuk dalam mana-mana lebuhraya yang ditarik balik daripada kawalan dan pengurusannya.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan kewangan tambahan. [PN. (U²) 1436.]